

**PENGARUH SOKONGAN SOSIAL TERHADAP PEMULIHAN
KEAGAMAAN BANDUAN WANITA**
(The Influence of Social Support on the Religious Rehabilitation of Women Inmates)

¹ SITI JAMIAAH ABDUL JALIL

² ROZMI ISMAIL

³ YUSMINI MD. YUSOFF

¹ Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

² Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial &
Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

³ Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Sokongan ahli keluarga dan masyarakat amat penting dalam membantu proses pemulihan penghuni di penjara. Oleh yang demikian, makalah ini mengenal pasti pengaruh sokongan sosial terhadap pemulihan keagamaan banduan wanita. Tumpuan diberikan terhadap pemulihan keagamaan kerana Jabatan Penjara Malaysia (JPM) telah menggunakan pendekatan keagamaan sebagai salah satu modul utama dalam pemulihan banduan wanita bagi membentuk peribadi individu yang lebih positif. Kaedah kajian kuantitatif dengan instrumen soal selidik digunakan. Data dianalisis dengan kaedah korelasi dan regresi. Hasil kajian mendapati sokongan sosial mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai keagamaan banduan wanita ($r=.206$, $p<0.05$). Sokongan ahli keluarga ($r=.203$, $p<0.05$), rakan-rakan ($r=.260$, $p<0.05$) dan kakitangan JPM ($r=.174$, $p<0.05$) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai akidah. Analisis regresi turut menunjukkan bahawa sokongan rakan-rakan dan keluarga menjadi faktor peramal kepada nilai keagamaan banduan wanita. Oleh itu, sokongan sosial kepada banduan wanita dapat membantu proses pemulihan mereka

terutama dalam menguatkan akidah. Implikasinya pihak JPM perlu membuka ruang dan peluang kepada ahli keluarga untuk memberikan sokongan sosial kepada banduan wanita dan menggalakkan para banduan untuk saling bantu-membantu dan memupuk nilai persaudaraan antara mereka.

Kata Kunci: Hak asasi manusia; sokongan sosial; penghayatan agama; banduan wanita; pemulihan

ABSTRACT

The support of family members and the community is crucial in helping the process of rehabilitation of inmates. Therefore, this study attempts to identify the influence of social support on religious rehabilitation of women inmate. The focus is on religious rehabilitation because the Prisons Department of Malaysia (JPM) has adopted religious approach as one of the main modules in the rehabilitation of women inmates to create more positive individual personality. Quantitative research approach with questionnaire was used. The data were analysed by correlation and regression. The results showed that social support had a significant positive relationship with women inmates religious values ($r = .206, p < 0.05$). Family members support ($r = .203, p < 0.05$), peers ($r = .260, p < 0.05$) and JPM staff ($r = .174, p < 0.05$) have significant positive relationships with the values of the creed. Regression analysis also showed that friends and family support became a predictor of religious value for women inmates. Therefore, social support to women inmates can help their rehabilitation process especially in reinforcing the faith. The implication of the JPM should be to open space and opportunity for family members to provide social support to women inmates and to encourage inmates to help each other and foster the values of brotherhood between them.

Keywords: Human rights; social support; religiosity; women inmates; rehabilitation

PENDAHULUAN

Sokongan sosial sangat penting dalam pembentukan hidup manusia yang sejahtera. Manusia yang normal adalah orang yang dapat mencapai tabii sosialnya dan juga manusia yang diperlukan oleh orang lain sebagaimana dia juga akur bahawa dia memerlukan orang lain. Kejayaan sesuatu hubungan sosial itu berasaskan kasih sayang, persefahaman, saling hormat menghormati dan saling percaya mempercayai (Othman 2006). Menurut Feldman (2006), sokongan sosial sebagai satu pertalian yang saling bantu-membantu serta memberi perhatian dan sokongan di antara satu sama lain. Sokongan sosial sering digunakan dalam erti kata yang luas, merujuk kepada sebarang proses berkait dengan hubungan sosial yang dapat menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan (Cohen, Gottlieb & Underwood 2000).

Melalui aspek sokongan sosial bagi banduan pula, Pengarah Penjara Penor, Datuk Abu Hasan berkata sokongan seperti sokongan ahli keluarga dan masyarakat amat penting dalam membantu mereka menjalani kehidupan normal semula dengan kemahiran yang dimiliki melalui pekerjaan (Mohd Rafi 2018). Hal ini menunjukkan kepentingan sokongan sosial dalam kalangan banduan membantu kepada kesejahteraan hidup serta psikologi mereka untuk berubah ke arah kebaikan.

Melalui perspektif Islam, hubungan baik di antara sesama manusia sangat dititikberatkan. Hubungan baik yang dimaksudkan antaranya adalah memudahkan jalan ketika dalam kesulitan, bantu-membantu dan menutup aib sesama manusia (al-Dimasqi 2009). Seinggakan, hubungan baik atas dasar persaudaraan boleh mendatangkan nikmat daripada Allah SWT (Ali 'Imran 3: 103). Hal ini menunjukkan Islam mengajar perlunya bantu-membantu dan membina hubungan yang saling menyokong sesama manusia tidak kira latar belakang sama ada keluarga sendiri, kawan mahupun lawan.

Bentuk bantuan dan hubungan sesama manusia dijelaskan oleh al-Ghazali (2010) dalam hak-hak persaudaraan dan persahabatan yang perlu dipenuhi oleh orang mukmin. Hak-hak persaudaraan tersebut meliputi beberapa perkara iaitu pertama, hak dalam harta iaitu memberi bantuan ketika mereka mengalami kesulitan tanpa menunggu diminta sehingga ke tahap mengutamakan kepentingan sahabat melebihi kepentingan sendiri. Kedua, hak dalam memberikan pertolongan dengan tenaga dan lain-lain dengan rasa senang hati berdasarkan rasa perikemanusiaan dan rasa hormat. Ketiga, hak dalam lidah dan hati dengan cara berdiam tidak menyebut keburukan orang lain dan tidak bertengkar atau diperdebatkan tentang hal ehwal orang lain. Berdiam diri lebih baik dengan meninggalkan perbuatan kata-kata dan perbuatan yang menyakiti sahabatnya. Keempat, hak dalam lidah dengan cara bercakap iaitu sentiasa mengeluarkan kata-kata yang baik serta meluahkan rasa cinta dan kasih. Rasa tidak senang atas kesusahan yang dilalui sahabat perlu juga diluahkan dengan kata-kata bagi mengeratkan hubungan di antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, sekiranya saudara atau sahabat melakukan sesuatu perkara yang tidak mengikut panduan ilmu sama ada ilmu dunia atau akhirat yang sebenar, maka wajiblah dinasihatinya dengan cara yang berhemah.

Seterusnya yang kelima, hak memberikan pengampunan dan menahan diri sendiri dengan sabar dengan menganggap bahawa kesalahannya itu timbul kerana kurang pengetahuan dan hendaklah berfikir baik dengan apa sahaja yang berlaku. Keenam, hak dalam doa pula menggalakkan umatnya agar mendoakan perkara yang baik-baik terhadap sesama manusia lebih-lebih lagi kepada sesama Islam. Ketujuh, hak dalam memenuhi janji dan keikhlasan perlu dilakukan secara berterusan sehingga kepada waris iaitu anak-anak. Perjanjian yang berbentuk kasih sayang yang berlandaskan

keikhlasan wujud sekiranya seseorang itu berani menegur dan menasihati sahabatnya yang menyeleweng daripada kebenaran dengan cara yang baik dan hikmah. Bukan itu sahaja, dalam memenuhi janji setia persahabatan seseorang tidak mendengar apa-apa yang disampaikan oleh orang lain yang boleh menimbulkan perasaan benci kepada sahabatnya. Akhir sekali, yang kelapan, hak memberikan keringanan, tidak membebankan atau paksaan iaitu tidak menyusahkan mereka malah lebih memudahkan dan memberi keselesaan mengikut kemampuan.

Selain itu, makalah ini memfokuskan kepada banduan wanita kerana banyak kajian menunjukkan bahawa banduan wanita lebih tinggi mengalami masalah psikologi berbanding lelaki. Pollock (2000) menyatakan banduan wanita di penjara mempunyai konsep sendiri yang rendah. Selain itu, 80 peratus wanita yang dipenjarakan mempunyai masalah kecelaruan psikiatri (Teplin, Abraham & McClellan 1996). Pernyataan ini disokong oleh pengkaji lain seperti Godin dan Kendall, bahawa wanita lebih cenderung dilabel sebagai pesakit mental berbanding lelaki di mana kecenderungan banduan wanita melakukan jenayah adalah disebabkan oleh kemurungan dan kebimbangan (Rosenfield, Philips & White 2006)

Oleh itu, makalah ini dilakukan bagi mengenal pasti impak sokongan sosial terhadap program pemulihan agama kepada penghuni penjara, iaitu banduan wanita di Malaysia secara khusus. Makalah ini juga amat penting dalam mempelbagaikan kajian terhadap banduan wanita memandangkan kajian khusus berkaitan banduan wanita di Malaysia masih sedikit.

SOKONGAN SOSIAL TERHADAP PEMULIHAN BANDUAN WANITA

Golongan banduan wanita juga antara individu yang mempunyai hak persaudaraan yang perlu dilaksanakan oleh individu yang mempunyai hubungan dengan mereka. Mereka juga berhak untuk mendapatkan keperluan sosial untuk membentuk diri mereka supaya selari dengan golongan normal yang lain. Apatah lagi, hidup dan tinggal di dalam penjara bukanlah sesuatu yang mudah. Kajian mendapati banduan wanita lebih merasa keperitan berbanding banduan lelaki kerana terpaksa berpisah dengan keluarga dan orang yang tersayang terutama anak-anak (Jones 1993). Kajian Greer (2000) juga mendapati berlaku perubahan terhadap corak hubungan interpersonal banduan wanita berbanding lelaki. Hubungan interpersonal banduan wanita kurang kukuh dan kurang kemesraan berbanding sebelumnya yang menyebabkan mereka menghabiskan banyak masa untuk bersendirian.

Oleh itu, banduan wanita juga memerlukan sokongan sosial daripada individu di sekelilingnya. Mereka memerlukan sokongan yang positif daripada orang yang signifikan untuk membina kembali aspek dalaman diri untuk membuat perubahan

dalam diri menuju hidup yang lebih sejahtera. Sokongan sosial yang diperoleh daripada individu-individu yang mempunyai hubungan yang signifikan seperti keluarga dan saudara mara di samping individu-individu yang terlibat dalam proses pemulihan mereka seperti pegawai-pegawai Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan tenaga pengajar bertujuan memberi motivasi kepada proses perubahan diri mereka.

Menurut Jiang (2006), sokongan sosial dapat membantu mereka menyesuaikan diri di penjara dan mengurangkan tekanan dalam melalui kehidupan yang begitu terbatas, terasing dan penuh dengan peraturan. Selain itu, sokongan sosial juga dapat membantu banduan meletakkan diri mereka dalam keadaan yang lebih selamat di dalam komuniti penghuni. Keadaan ini memberi keselesaan kepada banduan wanita untuk mengikuti setiap aktiviti di dalam penjara.

Di samping itu, kajian-kajian lepas menunjukkan sokongan sosial menjadi penyumbang kepada kejayaan sesuatu proses pemulihan dengan membawa kepada perubahan diri yang positif termasuk pemulihan ketagihan barangan terlarang seperti dadah dan minuman keras (Fernandez & Mutran 1998; Bishop et al. 2000). Ruhani, Abdullah dan Nor Ezdianie (2012) mendapati golongan penagih yang menjalani pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) berasa gembira dan seronok bila menerima kunjungan ahli keluarga. Perasaan gembira dan seronok dapat membantu penagih ini berkongsi perkara yang dilakukan semasa melalui program pemulihan. Perkongsian bersama ahli keluarga berupaya membantu mereka membezakan perkara yang memberikan kebaikan dan keburukan.

Begitu juga Liu dan Chui (2013) yang mendapati sokongan sosial memberi kesan positif kepada penyesuaian diri banduan wanita di China. Hasil kajian tersebut turut menunjukkan, banduan lebih menghargai sokongan daripada keluarga berbanding dua golongan penyumbang sokongan sosial yang lain iaitu rakan-rakan dan individu signifikan. Seterusnya, diikuti dengan sokongan daripada individu signifikan antaranya terdiri daripada kakitangan penjara dan sukarelawan sosial. Namun, mereka agak kurang untuk menghargai sokongan daripada rakan-rakan terutama rakan-rakan banduan. Laporan ini menunjukkan sokongan daripada keluarga dan individu signifikan dapat membantu banduan wanita dalam menyesuaikan diri di penjara. Beberapa kajian juga mendapati, keterlibatan banduan di dalam program bersama keluarga mengurangkan keterlibatan mereka dalam pelanggaran undang-undang berbanding dengan banduan yang tidak terlibat dengan program bersama keluarga (Howser, Grossman & MacDonald 1984; Howser & MacDonald 1982).

Selain itu, dari aspek pembentukan tingkah laku, Spohr et al. (2016) mendapati bahawa terdapat hubungan di antara kualiti sokongan sosial dengan tingkah laku berisiko. Perkara ini menjadi satu titik tolak yang penting di mana peningkatan kualiti

sokongan sosial akan mengurangkan kecenderungan banduan terhadap tingkah laku berisiko. Colvin, Cullen dan Vander Ven (2007) telah memperkenalkan satu teori yang berkaitan kesan sokongan sosial kepada tingkah laku banduan yang dikenali sebagai *Differential Coercion and Social Support* (DCSS). Teori ini menyentuh keperluan sokongan sosial terhadap pembentukan diri golongan banduan. Corak sokongan sosial yang diterima banduan merupakan aspek penting dalam membina emosi dan membentuk peribadi luaran. Corak sokongan sosial yang diterima secara konsisten oleh banduan dapat membina emosi yang positif dan membentuk individu yang terarah kepada moral yang baik dan keperibadian yang kuat. Ikatan sosial terbina hasil daripada komitmen moral yang tinggi dan keupayaan kawalan diri yang baik. Kesan daripada sokongan sosial yang konsisten juga, dapat meningkatkan tahap tingkah laku pro-sosial yang tinggi dan dapat meminimumkan tingkah laku devian atau dorongan dalam melakukan jenayah (Colvin 2007).

Melalui aspek kesihatan mental, kajian yang telah dilakukan oleh Siti Jamiaah, Rozmi dan Yusmini (2015) mendapati sokongan sosial mempunyai keputusan hasil kajian positif iaitu semakin rendah sokongan sosial yang diterima banduan wanita maka semakin tinggi tahap kemurungan mereka. Malah, kajian ini turut menyokong kajian-kajian lain, bahawa sokongan sosial sangat penting dalam menentukan tahap kesihatan mental banduan wanita. Maka jelas di sini, peranan sokongan sosial amat penting dalam membantu menjayakan sesuatu proses pemulihan khususnya kepada golongan banduan.

Selain itu, tanpa sokongan sosial hidup banduan wanita di penjara akan menyebabkan mereka rasa sunyi dan rasa disisihkan. Keadaan ini berbahaya untuk kesihatan mental mereka. Hal ini kerana kajian yang dilakukan oleh Rohany et al. (2016) menunjukkan kesunyian boleh membawa kepada kemurungan. Menurut Luo et al. (2012), apabila seseorang itu merasa sunyi boleh meningkatkan tanda-tanda kemurungan. Oleh itu, menurut Rohany et al. (2015), sokongan sosial antara pendekatan yang mampu mengelakkan individu mengalami kemurungan dan kesunyian.

PENDEKATAN KEAGAMAAN DALAM PEMULIHAN BANDUAN

Pendekatan keagamaan di Malaysia merupakan antara modul utama dalam pemulihan banduan. Modul agama ini dikenali sebagai *Modul Halaqah* yang dilaksanakan kepada banduan wanita yang berada di Fasa 2 yang dikenali sebagai Fasa Pengukuhan Sahsiah. Kebiasaannya, banduan di Fasa 2 ini terdiri daripada banduan yang telah menghuni di dalam penjara lebih daripada 2 bulan iaitu setelah melalui Fasa 1 yang merupakan Fasa Pembinaan Disiplin. *Modul Halaqah* merangkumi lima skop teras pengajian Islam iaitu al-Quran, fikah, tauhid, sirah dan akhlak. Kaedah pelaksanaan

adalah seperti tazkirah, kelas pengajian, bengkel ibadah, kelas mengaji al-Quran, ceramah dan lain-lain (Ab. Aziz et al. 2011).

Objektif pelaksanaan *Modul Halaqah* adalah untuk memberi ilmu pengetahuan agama Islam kepada penghuni khususnya berkenaan fardu ain. Selain itu, agar penghuni dapat mempraktikkan ajaran Islam yang sebenar serta melahirkan penghuni yang mempunyai jati diri Muslim. Pelaksanaan modul keagamaan ini juga bagi membantu JPM dalam program pemulihan terhadap penghuni. Semua ini bagi mencapai matlamat memberikan kesedaran dan pencegahan pengulangan jenayah (Abdullah Sani 2014).

Pelaksanaan pendekatan keagamaan dalam pemulihan banduan dipercayai mampu membentuk perubahan positif dalam diri mereka. Hal ini terbukti apabila banyak negara telah mengimplementasikan pendekatan agama dalam modul pemulihan di penjara. Sebagai contoh, badan koreksional Amerika Syarikat mendapati bahawa kepercayaan agama memberi pengaruh yang besar dalam proses pemulihan banduan. Semenjak tertubuhnya penjara pertama di Amerika Syarikat, pendekatan agama secara berterusan memainkan peranan penting dalam proses pemulihan banduan termasuk mereka yang pernah terlibat dengan jenayah berat. Kewujudan program pemulihan berasaskan doktrin dan aktiviti keagamaan kepada banduan di penjara menjadi salah satu langkah dalam mengintegrasikan semula mereka ke dalam masyarakat (Clear & Sumter 2002).

Begitu juga dengan langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Koreksional, Australia Selatan dengan menawarkan kursus keagamaan kepada para banduan yang dikenali sebagai *Kairos Short Course*. *Kairos Short Course* merupakan kursus perintis bagi memperkenalkan peserta kepada cara hidup Kristian. Kursus ini ditawarkan bertujuan untuk melibatkan peserta dalam refleksi diri, meditasi dan perkongsian pengalaman dalam komuniti yang dibentuk terdiri daripada banduan dan ahli kumpulan *Kairos*. Kursus ini dilaksanakan selama tiga hari kepada banduan lelaki dan perempuan yang telah dikenal pasti berpotensi menjadi pemimpin di *Institution of Correctional, Kairos Prison Ministry Australia*. Antara pendekatan yang digunakan ialah kaedah refleksi, perbincangan, dan kerja kumpulan berdasarkan hubungan dengan Tuhan melalui renungan masa lalu dan cara pemikiran serta perasaan semasa, dan juga tingkah laku tertentu (Gerace & Day 2010).

Rentetan peri pentingnya aspek sokongan sosial dalam membantu proses pemulihan banduan dan keperluan penghayatan agama dalam membentuk peribadi dan perilaku yang positif, maka kajian ini merupakan satu usaha mengenal pasti pengaruh sokongan sosial terhadap pemulihan keagamaan banduan wanita.

METODOLOGI

Makalah ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan melalui soal selidik. Dua instrumen digunakan iaitu *Multidimensional Scale of Perceived Social Support* (MSPSS) (Zimet et al. 1988) untuk mengukur sokongan sosial dan Skala Asas Nilai Agama Devian (SANAD) untuk mengukur nilai agama responden. Bagi instrumen MSPSS sedikit perubahan dilakukan untuk disesuaikan dengan kajian. Setiap responden menjawab sendiri soal selidik tersebut sambil dipandu oleh pengkaji. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 141 orang. Mereka merupakan banduan wanita warganegara Malaysia yang beragama Islam daripada lima buah penjara wanita di Malaysia iaitu Penjara Wanita Kajang, Selangor, Penjara Wanita Bentong, Pahang, Penjara Wanita Pengkalan Chepa, Kelantan, Penjara Wanita Kluang, Johor dan Penjara Sungai. Udang, Melaka.

Kaedah analisis korelasi digunakan bagi melihat hubungan sokongan sosial dan nilai keagamaan. Manakala, analisis regresi dilakukan bagi mengenal pasti pengaruh sokongan sosial terhadap nilai keagamaan banduan wanita. Sokongan sosial yang diukur melibatkan sokongan daripada ahli keluarga, rakan-rakan iaitu dalam kalangan penghuni penjara (banduan), kakitangan JPM sama ada anggota JPM atau tenaga pengajar awam/ustazah, dan individu istimewa iaitu mereka yang bukan daripada ahli keluarga, rakan-rakan, dan anggota JPM. Manakala, nilai keagamaan yang diukur merangkumi aspek pemahaman, penghayatan, akidah, syariat dan akhlak.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian pada Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara sokongan sosial dengan nilai keagamaan banduan wanita ($r=.206$, $p<0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi sokongan sosial yang diterima oleh banduan wanita, maka semakin tinggi nilai keagamaan mereka. Aspek nilai keagamaan yang mempunyai hubungan dengan sokongan sosial ialah penghayatan ($r=.274$, $p<0.05$), akidah ($r=.246$, $p<0.05$), dan syariat ($r=.181$, $p<0.05$). Namun, tiada hubungan yang signifikan di antara sokongan sosial dengan aspek pemahaman ($r=.091$, $p>0.05$) dan syariat ($r=.101$, $p>0.05$). Perkara ini menunjukkan semakin tinggi sokongan sosial yang diterima, semakin meningkat penghayatan banduan wanita terhadap agama, serta semakin meningkat nilai akidah dan syariat mereka. Walau bagaimanapun, tiada hubungan sokongan sosial dengan pemahaman agama dan nilai akhlak banduan wanita.

Jadual 1 turut memperincikan hubungan sokongan ahli keluarga, kawan dan kakitangan JPM terhadap nilai keagamaan banduan wanita. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan di antara sokongan ahli keluarga dengan

nilai keagamaan banduan wanita ($r=.198, p<0.05$). Dapatan ini menunjukkan semakin tinggi sokongan daripada ahli keluarga semakin tinggi nilai keagamaan banduan wanita. Sebaliknya, semakin rendah sokongan ahli keluarga maka semakin rendah nilai keagamaan mereka. Hubungan positif ini juga melibatkan antara sokongan keluarga dengan aspek penghayatan ($r=.215, p<0.05$), akidah ($r=.203, p<0.05$), dan syariat ($r=.198, p<0.05$). Manakala, tiada hubungan yang signifikan di antara sokongan ahli keluarga dengan pemahaman dan akhlak. Bagi sokongan rakan-rakan dalam kalangan penghuni juga didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan nilai keagamaan banduan wanita ($r=.285, p<0.05$). Dapatan ini menunjukkan semakin tinggi sokongan rakan-rakan maka semakin tinggi nilai keagamaan banduan wanita. Sebaliknya, semakin rendah sokongan rakan-rakan semakin rendah nilai keagamaan mereka.

JADUAL 1 Korelasi Pearson Bagi Nilai Keagamaan dan Sokongan Sosial

	Nilai Keagamaan	Pemahaman	Penghayatan	Akidah	Syariat	Akhlak
Sokongan Sosial	.206*		.274**	.246**		.181*
Sokongan kawan	.285**	.186*	.320**	.260**	.206*	.249**
Sokongan keluarga	.198*		.215*	.203*	.198*	
Sokongan kakitangan JPM				.246**		

Selain itu, Jadual 1 mendapati bahawa kesemua aspek nilai keagamaan yang diukur iaitu pemahaman ($r=.186, p<0.05$), penghayatan ($r=.320, p<0.05$), akidah ($r=.260, p<0.05$), syariat ($r=.206, p<0.05$), dan akhlak ($r=.249, p<0.05$) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan sokongan rakan-rakan. Dapatan jelas menunjukkan sokongan rakan-rakan penghuni amat penting terhadap pemulihan agama banduan wanita. Walau bagaimanapun, hanya aspek akidah sahaja yang mempunyai hubungan positif dengan sokongan kakitangan JPM ($r=.246, p<0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi sokongan kakitangan JPM semakin tinggi nilai akidah banduan wanita. Sebaliknya semakin rendah sokongan kakitangan JPM semakin rendah nilai akidah mereka.

Melalui ujian analisis regresi pelbagai melalui prosedur penyelesaian *Stepwise* pula, keputusan menunjukkan bahawa dua pemboleh ubah peramal, iaitu sokongan

kawan dan sokongan keluarga merupakan pemboleh ubah peramal atau faktor yang mempengaruhi pemulihan nilai keagamaan responden kajian. Manakala, 2 pemboleh ubah lain iaitu sokongan kakitangan JPM dan sokongan individu istimewa bukan pemboleh ubah peramal atau faktor kepada pemulihan nilai keagamaan banduan responden.

JADUAL 2 Ringkasan model analisis regresi pelbagai bagi pemboleh ubah peramal (sokongan sosial) nilai keagamaan

Pemboleh ubah	<i>B</i>	<i>SE B</i>	β	<i>T</i>	<i>P</i>
Langkah 1					
Sokongan Kawan	1.26	0.36	0.29	3.50	.001
					R = .285, R ² = .081
					F(1,139) = 12.27, p < .05
Langkah 2					
Sokongan Kawan	1.22	0.21	0.36	3.43	.001
Sokongan Keluarga	0.48	0.29	0.21	2.28	.024
					R = .339, R ² = .115
					F(2,138) = 8.93, p < .05

Nota: n=141.

Merujuk Jadual 2, secara signifikan, sokongan kawan [F (1,139)= 12.27, *p* <.05] menyumbangkan sebanyak 8.1 peratus (R²=.081) perubahan varians dalam skor nilai keagamaan responden kajian. Statistik ini menunjukkan sokongan kawan (β =.29,*p*<.05) merupakan faktor utama mempengaruhi perubahan nilai keagamaan responden kajian. Kombinasi sokongan kawan (β =.36,*p*<.05) dan sokongan keluarga (β =.21,*p*<.05) menambah sebanyak 3.4 peratus (11.5-8.1) kepada varians iaitu secara signifikan menyumbang kepada 11.5 peratus (R²=.115) dalam skor pemboleh ubah terikat nilai keagamaan [F (2,138)= 8.93, *p*<.05].

Berdasarkan keputusan analisis regresi pelbagai tersebut, pengkaji melaporkan bahawa sokongan daripada kawan dan keluarga mempengaruhi nilai keagamaan banduan wanita. Dalam masa yang sama memberi pengaruh positif terhadap pemulihan mereka.

PERBINCANGAN

Analisis tersebut menunjukkan sokongan sosial dapat membantu dalam proses pemulihan banduan wanita. Dapatan kajian dalam makalah ini menunjukkan

sokongan sosial mempunyai peranan terhadap peningkatan penghayatan agama yang baik. Khususnya dalam menguatkan akidah serta meningkatkan nilai syariat mereka seperti solat dan puasa. Oleh sebab itu, Islam amat menggalakkan umatnya agar saling tolong-menolong, bantu-membantu serta menunjukkan keprihatinan di antara sesama manusia terutama kepada golongan yang lemah. Sebagaimana yang telah digariskan oleh al-Ghazali (2010) tentang hak-hak sesama saudara yang perlu dilaksanakan oleh orang Islam yang beriman. Di dalamnya terkandung hikmah yang mampu membawa kesejahteraan dan kebahagiaan bukan sahaja di akhirat malah di dunia lagi. Apabila kita saling tolong-menolong dan sokong-menyokong dalam mencapai kebaikan, maka terbinalah masyarakat yang cenderung kepada kebaikan. Keadaan ini akan membuatkan kehidupan kita akan rasa lebih aman dan rasa selamat.

Oleh yang demikian, dalam membina kembali nilai positif dalam diri banduan wanita, sokongan daripada ahli keluarga sangat penting. Dapatan kajian menunjukkan sokongan daripada ahli keluarga mempunyai perkaitan dengan penerimaan banduan wanita terhadap modul pemulihan yang disediakan oleh pihak JPM. Mereka yang mendapat sokongan yang baik dari ahli keluarga mudah atau lebih terdorong untuk menerima dan melakukan kebaikan berbanding yang kurang menerima sokongan dari keluarga. Dapatan ini selari dengan Howser, Grossman & McDonald (2012) yang mendapati kunjungan keluarga mengurangkan mereka untuk terlibat dengan pelanggaran undang-undang berbanding dengan banduan yang kurang menerima kunjungan ahli keluarga. Begitu juga kajian Ruhani, Abdullah dan Nor Ezdianie (2012) yang mendapati penghuni pusat pemulihan berasa gembira dan seronok menerima kunjungan ahli keluarga. Sudah pasti emosi positif ini meningkatkan motivasi dalam diri individu untuk melakukan kebaikan.

Tidak sekadar ahli keluarga, makalah ini juga mendapati sokongan rakan-rakan dalam kalangan penghuni juga berperanan penting bagi meningkatkan nilai positif dalam diri banduan wanita. Sokongan rakan-rakan penghuni didapati mempunyai hubungan dengan semua aspek keagamaan yang diukur iaitu pemahaman, penghayatan, akidah, syariat dan akhlak. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya peranan individu-individu yang hampir dan berada di sekeliling dalam membina nilai diri banduan wanita. Faktor kesamaan dan kebersamaan menyebabkan mereka sangat mempengaruhi di antara satu sama lain. Mereka bersama-sama belajar agama, menunaikan solat dalam melakukan aktiviti harian, menghayati nilai agama dan tinggal bersama dalam satu bumbung. Kesamaan status sebagai banduan menjadikan mereka lebih memahami di antara satu sama lain dan kemungkinan lebih memahami daripada ahli keluarga sendiri. Walau bagaimanapun, dapatan ini agak kurang selari dengan kajian Liu dan Chui (2013) yang mendapati banduan wanita agak kurang untuk menghargai sokongan daripada rakan-rakan terutama rakan-rakan banduan.

Selain daripada itu, sokongan daripada kakitangan JPM mampu memberi kesan kepada nilai akidah banduan wanita. Hal ini berkait dengan sokongan, dorongan dan bimbingan daripada kakitangan JPM dalam melaksanakan modul agama terhadap banduan wanita yang sudah tentu memberi motivasi untuk mereka mendalami ilmu yang disampaikan. Oleh itu, semakin tinggi komitmen dan sokongan yang diberikan oleh kakitangan JPM terhadap banduan wanita, maka semakin kuat akidah mereka kepada Allah SWT kerana mereka merupakan da'i yang berperanan menyampaikan ajaran tauhid kepada penghuni-penghuni di penjara.

Apa yang perlu diberi perhatian berdasarkan analisis tersebut ialah kesemua jenis sokongan iaitu sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan kakitangan JPM mempunyai hubungan dengan nilai akidah banduan wanita. Perkara ini menunjukkan sokongan sosial mempunyai peranan dalam meningkatkan atau memulihkan nilai akidah seseorang yang menjadi tunjang keimanan kepada Allah SWT. Namun, keadaan ini hanya berkait dengan sokongan sosial daripada individu yang signifikan dan berautoriti sahaja. Memandangkan hasil kajian turut mendapati tiada hubungan sokongan daripada teman istimewa dengan nilai agama banduan wanita.

KESIMPULAN

Peranan sokongan sosial terhadap pemulihan banduan wanita khususnya terhadap pemulihan nilai keagamaan mereka adalah sangat penting. Malah, sokongan sosial yang diterima juga mampu meningkatkan nilai akidah banduan wanita. Oleh itu, ahli keluarga perlu memberi sokongan yang kuat agar para penghuni penjara khususnya banduan wanita dapat melalui proses pemulihan dengan baik. Rakan-rakan penghuni pula perlu saling bantu-membantu agar sama-sama dapat membina diri ke arah yang lebih positif. Manakala, peranan kakitangan JPM dalam membimbing dan menjaga golongan banduan haruslah dipuji dan dihargai kerana mereka telah berusaha dan berkorban bagi membina sinar baru dalam diri banduan di penjara untuk kembali sebagai individu yang lebih positif daripada sebelumnya.

Implikasinya pihak JPM sebagai pihak yang berautoriti, perlu membuka ruang dan peluang kepada ahli keluarga untuk memberikan sokongan sosial kepada banduan wanita dan menggalakkan para banduan untuk saling bantu-membantu dan memupuk nilai persaudaraan antara mereka.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) atas kerjasama yang diberikan. Begitu juga kepada Program MyBrain15 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah menyediakan perbelanjaan sepanjang

pengajian untuk menyiapkan penyelidikan ini. Begitu juga penghargaan terhadap geran penyelidikan Universiti Malaya (rg002/09hne) bertajuk *Kajian Pembangunan Insan di Penjara Malaysia* dalam membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

al-Quran Tajwid dan Terjemahan. Semenyih: Humaira Publication.

Ab. Aziz Md. Zin, Nor Raudah Hj. Siren, Siti Jamiaah Abdul Jalil & Juwairiah Hassan. 2011. Program keagamaan terhadap golongan devian di Malaysia. *Prosiding Seminar Serantau Usuluddin di Institusi Pengajian Tinggi Abad 21: Cabaran dan Prospek*, 279-296.

Abdullah Sani Rahim. 2014. *Program Pembangunan Insan Jabatan Penjara Malaysia*. Kajang: Seksyen Pemulihan dan Rawatan, Bahagian Pengurusan Banduan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

Ad-Dimasqi, Al-Syeikh Mukammad Jamaluddin Al-Qasimi. 2009. *Mutiara Ihya' Ulumuddin Hak Milik Muslim: Imam al-Ghazali*. Hasmah Isa (ed.). Shah Alam: Illusion Network.

Bishop, G., Rump, H. J., Hapke, U., Meyer, C. & John, U. 2000. Maintenance factors of recovery from alcohol dependence in treated and untreated individuals. *Alcoholism: Clinical and Experimental Research* 24: 1773-1777.

Clear, T.R. & Sumter, M.T. 2002. Prisoners, prison and religion. *Journal of Offender Rehabilitation* 35(3): 125-156. Retrieved from http://dx.doi.org/10.1300/J076v35n03_07.

Cohen, S., Gottlieb, B. H. & Underwood, L. G. 2000. Social relationship and health. Dlm. Cohen, S., Underwood, L. G. & Gottlieb, B. H. (pnyt.) *Social Support Measurement and Intervention: A Guide for Health and Social Scientist*, hlm. 3-28. New York: Oxford University Press.

Colvin, M. 2007. Applying differential coercion and social support theory to prison organizations: The case of the penitentiary of New Mexico. *The Prison Journal* 87: 367-387.

Colvin, M., Cullen, F. T. & Vander Ven, T. 2002. Coercion, social support, and crime: An emerging theoretical consensus. *Criminology* 40:19-42.

Feldman, R. S. 2006. *Understanding Psychology*. 7th ed. New York: McGraw Hill.

- Fernandez, M. E. & Mutran, E. J. 1998. Moderating the effect of stress on depressive symptoms. *Research on Aging* 20: 175-186.
- Gerace, A. & Day, A. 2010. Criminal rehabilitation: The impact of religious programming. *Journal of Psychology and Christianity* 29 (4): 317-325.
- Ghazālī, Abī Hāmid. 2010. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, ketua taḥqīq & takhrīj al-Shīkh As'ad al-Ṣāgharjī, Jil. 3. Dimashq: Dār al-Faiḥā'.
- Godin, P. & Kendall, K. 2009. Incarceration of Women in Britain: A Matter of Madness. Dlm. Hatton, D. C. & Fisher, A. (pnyt.). *Women Prisoners and Health Justice: Perspectives, Issues and Advocacy for an International Hidden Population*. United Kingdom: Radcliffe Publishing.
- Greer, K.R. 2000. the changing nature of interpersonal relationship in a women's prison. *The Prison Journal* 80: 442-468.
- Howser, J. & MacDonald, D. 1982. Maintaining family ties. *Corrections Today* 44: 96-98.
- Howser, J., Grossman, J. & MacDonald, D. 1984. Impact of family reunion programs on institutional discipline. *Journal of Offender Counselling, Services and Rehabilitation* 8: 27-36.
- Jiang, S. 2006. Social support, gender and inmate adjustment to prison life. *The Prison Journal* 86(1): 32-55.
- Jones, R. 1993. Coping With separation: adaptive responses of women prisoners. *Women and Criminal Justice* 5: 71-97.
- Liu, L. & Chui, W. H. 2013. Social support and chinese female offenders' prison adjustment. *The Prison Journal* 94 (1): 30-51.
- Luo, Y., Hawkley, L. C., Waite, L. J. & Cacioppo, J. T. 2012. Loneliness, health, and mortality in old age: A national longitudinal study. *Social Science & Medicine* 74(6): 907-914.
- Mohd Rafi, M. 2018. Ahli keluarga dan masyarakat cetus keinsafan banduan. *BH Online*. Capai di <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/07/447729/ahli-keluarga-dan-masyarakat-cetus-keinsafan-banduan>.
- Othman Hj. Talib. 2006. Pengawalan dorongan dan emosi daripada perspektif Islam. Dlm. Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek, & Othman Talib (ed.). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. hlm. 59-64. Bangi: Penerbit UKM.

- Pollock, J. M. 2000. *Women, Prison & Crime*, USA: Wadsworth Thomson Learning.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohd Norahim Mohd Sani & Aizan Sofia Amin. 2016. Hubungan antara kesunyian dan sokongan sosial terhadap kemurungan dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (1): 152-159.
- Rosenfield, S., Philips, J. & White, H. 2006. Gender, Race and the Self in Mental Health and Crime. *Social Problems* 53(2): 161-185.
- Ruhani Mat Min, Abdullah Mohamed & Nor Ezdianie Omar. 2012. Keperibadian dan sokongan sosial penghuni puspun: implikasi terhadap program pemulihan. *Jurnal Kemanusiaan* 20: 56-66.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Rozmi Ismail & Yusmini Md. Yusoff. 2015. Peranan sokongan sosial dan terapi bina insan dalam mengurangkan kemurungan banduan wanita di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Psikologi Malaysia 2015*: 307-325.
- Spohr, S. A., Suzuki, S., Marshall, B., Taxman, F. S. & Walters, S. T. 2016. Social Support Quality and Availability Affects Risk Behaviors in Offenders. *Health & Justice* 4(2): Terbitan online 25 Feb 2016 doi: 10.1186/s40352-016-0033-y [1 Ogos 2016].
- Teplin, L., Abraham, K., & McClellan, G. 1996. Prevalence of Psychiatric Disorders Among Incarcerated Women: 1 Petrial Detainees. *Archives of General Psychiatry* 53(6): 505-512.
- Zimet, G.D., Gahlem, N. W., Zimet, S. G. & Farley, G. K. 1988. The Multidimensional Scale of Perceived Social Support. *Journal of Personality Assessment* 52: 30-41.